

Kemelut politik PAS Kedah kerana berebut kuasa

Menteri Besar, dua bekas EXCO berpegang kepada prinsip, keputusan masing-masing

KEMELUT politik PAS Kedah menyaksikan dua EXCO Kerajaan Negeri, Datuk Phahrolrazi Zawawi dan Datuk Dr Ismail Salleh enggan dilantik semula kerana kurang senang dengan corak kepemimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak. Kemelut itu berpunca daripada kumpulan liberal yang ingin mengetepikan pengaruh ulama menyebabkan pucuk pimpinan PAS pusat terpaksa campur tangan. Malah, desas-desus menyatakan ada 'tangan ghaib' daripada PAS pusat mencongak percaturan bagi menyingkirkan Azizan daripada jawatan berkenaan. Wartawan, Mohd Azis Ngah dan Haspaizi Mohd Zain menemubual Profesor Politik dan Kerajaan, Fakulti Ekologi Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Jayum Jawan dan Pengerusi Biro Agama dan Ulama Majlis Veteran UMNO Kelantan, Prof Madya Mohd Noor Deris yang juga bekas Ahli Majlis Syura Ulama PAS bagi mengulas isu berkenaan.



ZAN (tengah) bersama EXCO baru selepas majlis mengangkat sumpah EXCO Kerajaan Negeri Kedah di Istana Anak Perlu

Prof Dr Jayum Jawan

? LAPAN EXCO Kedah menerima pelantikan semula. Adakah ini kemuncak penyelesaian atau krisis akan berpanjangan.

Pelantikan semula itu hanya membabitkan lapan EXCO kerajaan PAS Kedah. Ini menunjukkan bahawa masalah PAS Kedah dan PAS Pusat bertambah rancak. Sempadan sudah digaris atau diukir bagi puak yang bergelut atau bersaing untuk merebut kuasa di negeri berkenaan.

Semua ini boleh disimpulkan kepada pergelutan kuasa antara pemimpin lama (tua) dan baru (muda) untuk menerajui kerajaan negeri. Selagi penyelesaian tidak membabitkan perdamaian antara puak bertelagah, krisis ini akan berpanjangan dan mungkin menjelaskan PAS dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

? Datuk Phahrolrazi Zawawi menolak pelantikan semula sebagai EXCO dan meletakkan syarat jika mahu kembali berkhidmat sebagai EXCO. Adakah Pahrolrazi mempunyai agenda lain lebih besar kerana hanya menyatakan syarat itu kepada PAS Pusat.

Agenda puak yang bertelagah cukup jelas iaitu berebut kuasa. Itu adalah nadi politik. Sebelum ini kenyataan dan perbuatan Pahrolrazi jelas menunjukkan beliau sudah membuat kata putus atau keputusan muktamad bahawa beliau tidak lagi berminat menyertai barisan EXCO Kedah. Bagaimana seorang pemimpin negeri berani buat kata putus seperti itu. Pada pandangan saya, besar kemungkinan beliau mempunyai penyokong di kalangan pemimpin PAS pusat. Beliau harus tahu bahawa pernyataan dan perbuatan seperti itu ibarat ‘membakar jambatan’ dan bila itu sudah berlaku, tiada berpatah balik lagi kerana hanya mempunyai dua pilihan, naik atau turun menjunam.

Menyenaraikan syarat untuk kembali ke barisan EXCO itu adalah satu cabaran kepada Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, baginya, sudah jelas bahawa beliau hanya akan membawa balik kedua-dua tokoh itu sekiranya menerima arahan pemimpin PAS Pusat. Ini jelas juga menunjukkan bahawa Menteri Besar pun sudah membuat kata putus mengenai kedudukan kedua-dua pemimpin berkenaan.

? Antara punca keretakan ialah perbezaan pendapat yang gagal diselesaikan melalui kata sepakat. Adakah Menteri Besar Kedah disifatkan diktator kerana mengetepikan pendapat pemimpin bawahan.

Sifat diktator adalah sifat lazim bagi seorang pemimpin. Dalam erti kata lain, beliau hanya menguatkuasakan kepemimpinan beliau. Dalam mana-mana kerajaan tidak boleh ada banyak suara yang bertentangan dengan pemimpin. Kalau itu berlaku, maka pemimpin itu sudah hilang arah dan kuasa (iaitu, hilang kuasa perintah). Kalau sudah tidak bersetuju dengan kepemimpinan Menteri Besar, keputusan tidak menyertai barisan EXCO dianggap sebagai pilihan terhormat. Prinsip bertanggungjawab bersama menghendaki bahawa sesiapa

yang tidak sehaluan dengan pemimpin harus berundur. Tetapi pendekatan itu mempunyai risiko tersendiri yang perlu diselesaikan kerana turun (berundur) daripada jawatan tidak bererti masalah itu selesai, apatah lagi jika puak yang berundur itu mempunyai sokongan di kalaangan pemimpin utama peringkat PAS Pusat. Maknanya, pengaruhnya masih kuat dan sedikit sebanyak memberi kesan jangka panjang kepada parti dan kepemimpinan negeri.

Adakah kemelut politik PAS itu mengikis kepercayaan rakyat terhadap kemampuan parti itu mentadbir Kedah terutama menjelang Pilihan Raya Umum (PRU-13) nanti.

Ya, krisis kepemimpinan PAS di Kedah itu sememangnya menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada parti itu sebagai parti yang mampu memerintah Kedah dengan aman dan stabil. Pada masa sama, kerana PAS berada dalam pakatan pembangkang, ia turut mempengaruhi kepercayaan rakyat Kedah kepada kepemimpinan pakatan. Walaupun pakatan pembangkang itu bukan sah seperti Barisan Nasional (BN) yang berdaftar sebagai sebuah parti yang berhimpun di bawah satu lam-

bang, tetapi ia tetap dipersoalkan kewibawaannya berkaitan krisis negeri. Rakyat akan mempersoalkan dan tanya-tanya, jika masalah dalam kerajaan PAS Kedah pun tidak dapat diselesaikan, bagaimana mereka boleh diharapkan untuk memimpin negara yang menjadi sebuah entiti jauh besar daripada Kedah.

Ia boleh menimbulkan keraguan dan sedikit demi sedikit menghakis keyakinan, kepercayaan rakyat terutama yang baru berjinak untuk menyokong pembangkang. Situasi itu akan merebak dan memberi kesan segera tetapi kekal untuk jangka panjang. Situasi seperti ini perlu dielakkan bagi mana-mana parti politik, sebaliknya perlu sentiasa meningkatkan keyakinan rakyat kerana mereka yang menentukan hala tuju dan jangka hayat sesebuah parti serta pemimpin.

Timbalan Pesuruhjaya II PAS Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh juga digugurkan sebagai EXCO dan terus mendiamkan diri. Adakah itu satu tindakan selamat kerana tidak mahu mengeruhkan lagi keadaan?

Kes Dr Ismail mengundurkan diri amat menarik. Sudah pasti keputusan itu sedikit sebanyak dipengaruhi

dan dirujuk kepada PAS Pusat yang mempunyai kuasa penentu dan mempunyai hak untuk berbuat demikian. Jadi, Menteri Besar Kedah juga sebenarnya ada ‘kawan’ pada peringkat PAS Pusat dan itu bermakna bukan saja puak yang menentang atau cuba menjatuhkan Azizan yang mempunyai ‘kabel’ pada peringkat atasan (Pusat).

Kedua-dua pihak (Azizan dan penentang) mempunyai saluran masing-masing. Dengan ini, pergolatan kuasa dalam peringkat PAS Kedah sudah mula beralih ke peringkat lebih ‘panas’ yang akan berpanjangan. Pada satu sudut, perbuatan itu (menggugurkan Dr Ismail) boleh dilihat sebagai cubaan menenangkan Menteri Besar dan membawa ketstabilan serta kedamaian kepada krisis. Ini kerana, jika Dr Ismail masih dikalkan berkuasa termasuk mengekalkan kedudukan sebagai Timbalan Pesuruhjaya II PAS Kedah, beliau masih mampu menggugat kedudukan Azizan.

Dalam dunia politik, kedudukan dalam parti sangat penting kerana sumber atau kuasa untuk dilantik kepada jawatan dalam kerajaan adalah berdasarkan kedudukan dalam parti. Jika tiada kedudukan dalam parti, mereka akan menghadapi kesukaran untuk memegang sebarang

jawatan dalam kerajaan.

Kedua-dua aspek itu saling berkait, sebab itu seboleh-bolehnya setiap pemimpin mahu mengekalkan kedua-dua status itu. Tidak guna mempunyai kuasa pada peringkat kerajaan tetapi tiada ‘suara’ dalam parti, ia boleh menyebabkan kredibiliti dipertikaikan, hilang pegangan dan tidak begitu dihormati pada peringkat akar umbi.

Adakah benar dakwaan situasi getir politik Kedah itu berpunca daripada tindakan pihak tertentu yang cuba menjatuhkan Azizan kerana sering bercanggah pendapat dan berbeza pendirian dalam pakatan pembangkang. Ia juga dikatakan berpunca daripada tindakan pemimpin PAS pro-Datuk Seri Anwar Ibrahim atau ‘kumpulan Endorgan’ dalam parti itu.

Pernyataan ini tidak menghairankan.



Jika diandaikan Parti Keadilan Rakyat (PKR) berjaya dalam pilihan raya akan datang, maka sudah tentu parti itu akan mengatur langkah memastikan bahawa mereka mampu memimpin pakatan pembangkang terdiri daripada dua parti besar iaitu DAP dan PAS. Mungkin pemimpin PKR tidak berani mengganggu

DAP dan secara logiknya mereka cuba menanam pengaruh di dalam PAS untuk terus menyokong mereka bagi memastikan kedudukan parti yang dipimpin Anwar itu terus kukuh dalam pakatan. Kedudukan itu penting sekiranya mereka mampu memenangi pilihan raya akan datang.

Tidakkah tindakan menanam pengaruh dalam parti gabungan itu boleh memakan diri pakatan pembangkang.

Pakatan pembangkang ditubuhkan demi kepentingan mengejar kuasa. Ini terbukti apabila DAP, PKR dan PAS bergabung membentuk pakatan. Walau pun tiada ikatan rasmi tanpa sebarang pendaftaran seperti yang dilakukan BN, mereka bergabung atas dasar kepercayaan bersama menumbangkan lawan utama iaitu BN. Umum sudah mengetahui bahawa setiap parti dalam pakatan itu mempunyai ideologi masing-masing yang berbeza.


Pemimpin mereka juga pernah berada di pagar yang berlawanan pada satu ketika dulu. Jadi, ikatan parti itu sebenarnya tidak kukuh, bahkan mudah rapuh atau boleh bergoncang pada bila-bila masa.



Ia boleh menimbulkan keraguan dan sedikit demi sedikit menghakis keyakinan, kepercayaan rakyat terutama yang baru berjinak untuk menyokong pembangkang. Situasi itu akan merebak dan memberi kesan segera tetapi kekal untuk jangka panjang. Situasi seperti ini perlu dielakkan bagi mana-mana parti politik, sebaliknya perlu sentiasa meningkatkan keyakinan rakyat kerana mereka yang menentukan hala tuju dan jangka hayat sesebuah parti serta pemimpin

Dr Jayum Jawan

*Profesor Politik dan Kerajaan,
Fakulti Ekologi Kemanusiaan, UPM*



DAP dan secara logiknya mereka cuba menanam pengaruh di dalam PAS untuk terus menyokong mereka bagi memastikan kedudukan parti yang dipimpin Anwar itu terus kukuh dalam pakatan. Kedudukan itu penting sekiranya mereka mampu memenangi pilihan raya akan datang.

? Tidakkah tindakan menanam pengaruh dalam parti gabungan itu boleh memakan diri pakatan pembangkang.

Pakatan pembangkang ditubuhkan demi kepentingan mengejar kuasa. Ini terbukti apabila DAP, PKR dan PAS bergabung membentuk pakatan. Walau-pun tiada ikatan rasmi tanpa sebarang pendaftaran seperti yang dilakukan BN, mereka bergabung atas dasar kepercayaan bersama menumbangkan lawan utama iaitu BN. Umum sudah mengetahui bahawa setiap parti dalam pakatan itu mempunyai ideologi masing-masing yang berbeza.

Pemimpin mereka juga pernah berada di pagar yang berlawanan pada satu ketika dulu. Jadi, ikatan parti itu sebenarnya tidak kukuh, bahkan mudah rapuh atau boleh bergoncang pada bila-bila masa.

Pakatan ahzab PKR, DAP 'bunuh' PAS

Prof Madya Mohd Noor Deris

■ APA pandangan Prof berhubung kemelut yang melanda PAS Kedah sudah berlarutan sehingga begitu la-ma

■ ni bagi saya adalah petanda PAS akan menemui ‘ajalnya’ setelah terjebak dengan ‘pakatan ahzab’ bersama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia. Pakatan itu menyaksikan perpecahan yang begitu serius melanda PAS apabila ada pihak luar cuba menjadi ketua dalam PAS. Ada pihak yang kita kenali sebagai parasit ataupun kumpulan ‘er-dogan’ cuba untuk berkuasa dalam PAS seperti mana berlaku terhadap beberapa pemimpin PAS sebelum ini termasuk penyingkiran Datuk Dr Hasan Ali. Barangkali juga ini berkat doa daripada pihak yang sayangkan negara dan akhirnya Tuhan menunjukkan wajah sebenar PAS.

■ Apakah Prof melihat senario yang berlaku ke atas Menteri Besar Kedah ini menyamai apa yang berlaku terhadap Dr Hasan Ali ataupun lebih tepat lagi parasit ataupun kumpulan liberal ini cuba meluaskan pengaruhnya dalam PAS?

N ampaknya usaha untuk membentuk perpaduan utuh dalam PAS semakin terancam, saya percaya PAS akan menghadapi perpecahan lebih besar apabila menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti. Tidak mustahil jika ramai pemimpin PAS akan meninggalkan parti itu apabila Parlimen dibubar kelak. Sememangnya wujud parasit dalam PAS yang cuba untuk meluaskan pengaruhnya.

Parasit ini tugasnya adalah untuk merosakkan Islam termasuk kepemimpinan politik Islam itu sendiri dan inilah yang berlaku di Kedah. Kumpulan parasit ini cuba untuk menjauhkan PAS daripada sistem politik Islam, apabila mereka tidak berjaya (untuk menguasai ulama), maka mereka akan bertindak marah. Jadi sebab itulah wujudnya boikot dan cubaan untuk menjadikan (Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Razak) tidak berpengaruh di kalangan masyarakat.

■ Pihak yang mendesak Menteri Besar Kedah itu bagaimanapun menafikan peranan kumpulan terbabit menjadi punca dalam krisis kepemimpinan PAS di Kedah, bagaimana pandangan Prof?

B agi saya kumpulan liberal dalam PAS tidak boleh menafikan perkara ini, bahkan Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat juga bagi saya adalah pengikut kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Malah kumpulan liberal ataupun yang pro kepada Anwar kalau kita lihat dalam PAS kini mereka bersikap asabiyah. Malah mereka sanggup mempertahankan apa saja tindak tanduk dilakukan Ketua Pembangkang itu. Mereka yang pro kepada Anwar adalah cenderung kepada ‘pakatan ahzab’.

■ Masalah yang berlaku di Kedah menunjukkan ada rasa tidak puas hati pihak bawahan (EXCO) dan mungkin pada peringkat PAS kawan terhadap kepemimpinan mereka sedangkan PAS mendakwa mereka mengamalkan syura untuk menyelesaikan sesuatu isu. Sebaliknya apa

yang berlaku lebih kepada bentuk tindakan apa komen Prof.

M ajlis Syura Ulama kini diserang penyakit lumpuh, tidak mampu menyelesaikan masalah serta kemung-karan dalam parti, sehingga kita menyaksikan kenyataan Ketua Dewan Ulama PAS kini semakin bercanggah dengan segelintir pemimpin parti itu. Malah, dalam ulama PAS itu sendiri kita melihat sudah berlaku perpecahan yang semakin teruk. Banyak isu yang timbul menyaksikan ulama PAS sendiri berbeza pandangan.

Perpecahan ulama PAS kini ibarat retak menanti pecah. Tiada persefahaman serta fungsi Majlis Syura yang tidak diketengahkan menjadi punca PAS semakin bercelaru. Bahkan hari ini kalau kita lihat golongan liberal dalam PAS sudah semakin berani bercanggah pendapat dengan ulama walaupun membabitkan soal dasar parti itu sendiri. Saya menyeru kepada ulama PAS supaya memperhalusi perjuangan politik seperiti dianjurkan Islam.

■ Pada pengamatan Prof, apakah krisis kepercayaan dan hilang rasa hormat terhadap Menteri Besar Kedah kini akan merebak ke negeri lain.

D i Kelantan sendiri pun sudah ada kesannya, walaupun PAS cuba menafikannya, hakikatnya di Kelantan yang ditadbir PAS selama ini juga wujud kumpulan tertentu. Saya yakin PAS Kedah termasuk pada peringkat kawasan akan berlaku perpecahan begitu serius ekoran kemelut ini. Tidak mustahil perpecahan ini membawa kepada ketidak-

upayaan PAS untuk mendepani pilihan raya.

Bagi saya ini adalah kelebihan kepada UMNO. Suka untuk saya terangkan bahawa Perlembagaan UMNO dengan jelas matlamat penubuhan parti itu adalah bagi menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam. Perkara ini jelas tertulis dalam perlembagaan UMNO. Jadi, rakyat boleh menaruh kepercayaan kepada UMNO untuk terus memperjuangkan Islam.

■ Apakah Prof melihat krisis yang berlaku ini adalah petanda PAS ataupun pembangkang di Kedah akan berpecah dan tewas pada PRU-13 nanti.

S aya tidak menolak kemungkinan itu, bagi saya jika PAS lemah di Kedah ia akan melumpuhkan PKR dan DAP. Tetapi jika PAS kuat di Kedah, bagi saya ia adalah satu nikmat buat PKR dan DAP. Namun saya yakin dan percaya kemelut ini akan membawa kepada perpecahan yang boleh melemahkan PAS.

■ Bagaimana Prof melihat tindakan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad bahawa PAS boleh menerima bukan Islam bagi jawatan Timbalan Presiden parti.

K alau kita lihat berlakunya percanggahan antara Dr Dzulkefly dan Dewan Ulama PAS dalam hal ini, jadi kita perlu melihat pula bagaimana pendirian Dewan Pemuda PAS dan Dewan Muslimat PAS. Jelas hari ini ada pihak cuba untuk menjadikan PAS semakin liberal, sekali gus lari daripada perjuangan Islamnya.



PAHROLRAZI (empat dari kanan) pada sidang media di rumahnya, di Alor Setar pada 28 Februari lalu.



Parasit ini tugasnya adalah untuk merosakkan Islam termasuk kepemimpinan politik Islam itu sendiri dan inilah yang berlaku di Kedah. Kumpulan parasit ini cuba untuk menjauhkan PAS daripada sistem politik Islam, apabila mereka tidak berjaya (untuk menguasai ulama), maka mereka akan bertindak marah